

24 JUN 1997

Ghani-Jambatan

JOHOR SERAH KEPADA KERAJAAN PUSAT BERHUBUNG PEMBINAAN JAMBATAN

JOHOR BA HARU, 24 Jun (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata Johor menyerahkan kepada kerajaan pusat berhubung cadangan pembinaan sebuah jambatan menghubungkan Semenanjung dan Sumatera.

"Terpulanglah kepada kerajaan pusat untuk menentukan lokasi yang sesuai. Kita pun tidak mempunyai cadangan khusus mengenai lokasinya," kata beliau.

Menurutnya, ada pendapat yang mengatakan bahawa kawasan barat Johor merupakan lokasi sesuai kerana jarak yang dekat tetapi ada juga yang mencadangkan Merlimau di Melaka dan Port Dickson.

"Kita terbuka kepada cadangan kerajaan pusat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan antarabangsa mengenai Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Singapura (IMS-GT) di sini hari ini.

Persidangan dua hari bertemakan "Kawasan tanpa sempadan untuk kemajuan mapan" itu anjuran bersama Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI), Institut Sultan Iskandar (ISI) di Universiti Teknologi Malaysia dan Perbadanan Johor.

Abdul Ghani berkata sekiranya Muar, Batu Pahat atau Pontian dipilih sebagai lokasi banyak masalah yang akan timbul terutama berhubung soal pengambilan tanah.

Katanya, kawasan di ketiga-tiga daerah itu mempunyai kepadatan pemilik tanah terutamanya pekebun kecil dan ia akan menjejaskan masyarakat setempat di samping menyukarkan proses pengambilan tanah.

Khamis lepas, Ketua Menteri Melaka Datuk Abu Zahar Isnin berkata beliau mengarahkan empat buah jabatan di negeri itu supaya menjalankan kajian dan mengenalpasti lokasi cadangan pembinaan jambatan itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mengadakan perbincangan dengan Presiden Suharto di Istanbul pada 15 Jun berkata Malaysia dan Indonesia bercadang membina jambatan merentangi Selat Melaka bagi menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sumatera.

Selat Melaka yang memisahkan Semenanjung Malaysia dengan Sumatera merupakan laluan dagangan utama di Asia Tenggara.

Kawasan yang paling dekat antara kedua-dua tanah besar itu ialah 24 kilometer. Buat masa ini, terdapat perkhidmatan feri antara kedua-dua buah negara melalui Kukup di Johor, Melaka dan Pulau Pinang. -- BERNAMA

MKO AHH